

1.



Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu kaedah penyelidikan sejarah.

Kaedah bertulis

Berdasarkan kaedah tersebut, maklumat diperoleh daripada

- I sumber yang dipahat
- II sumber yang ditulis
- III sumber yang tenggelam
- IV sumber yang dicipta

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

2.

Konstruk Memahami

Mengapakah kita perlu membuat tafsiran dalam sejarah?

- ☐ A Mendorong pemikiran kritis
- ☐ B Mewujudkan sikap berwaspada
- ☐ C Memudahkan urusan seharian kita
- ☐ D Memupuk semangat cinta akan negara

3.

Konstruk Menalisis

Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir.

Suhu dunia meningkat bermula 8,500 tahun dahulu lalu menyebabkan kecairan air batu

Apakah kesan daripada kecairan air batu tersebut?

- ☐ A Bumi diliputi salji
- ☐ B Paras air laut meningkat
- ☐ C Paras air laut semakin cetek
- ☐ D Pulau dan tasik bersambung

4.

Konstruk Memahami

Maklumat berikut tentang perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir.

Bumi mengalami perubahan iklim daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk.

Apakah yang menyebabkan perubahan iklim tersebut?

- ☐ A Pencairan ais batu
- ☐ B Kegiatan radiasi bumi
- ☐ C Pergerakan kerak bumi
- ☐ D Ketidakseimbangan ekosistem bumi

5.



Mengaplikasi

Maklumat berikut tentang perubahan yang berlaku pada Zaman Holosen.

Pada Zaman Holosen, perubahan iklim telah memberikan kesan yang besar dalam kehidupan manusia kerana mereka perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim.

Apakah tindakan manusia pada zaman tersebut berdasarkan maklumat di atas?

- ☐ A Manusia berpindah dari benua Afrika ke benua Eropah dan Asia
- ☐ B Manusia berpindah dari benua Asia ke benua Afrika
- ☐ C Manusia berpindah dari benua Asia ke benua Eropah
- ☐ D Manusia berpindah dari benua Eropah ke benua Afrika

6.

Konstruk

Memahami

Gambar berikut menunjukkan batu megalit yang berkaitan dengan budaya megalit.



Apakah budaya megalit?

- ☐ A Budaya menyampaikan maklumat menerusi ukiran batu
- ☐ B Budaya mencantikkan batu menggunakan oker merah
- ☐ C Budaya menurunkan tradisi menerusi ukiran batu
- ☐ D Budaya berasaskan penggunaan batu besar

7.

Konstruk

Mengingat

Manusia pada Zaman Prasejarah melakukan ideofak.

Di manakah kepala mayat diletakkan mengikut ideofak di Gua Cha, Kelantan?

- ☐ A Bantal batu
- ☐ B Bantal kayu
- ☐ C Bantal kain
- ☐ D Bantal kapas

8.

Konstruk

Mengingat

Apakah tamadun dalam bahasa Inggeris?

- ☐ A *Mudun*
- ☐ B *Madain*
- ☐ C *Civitas*
- ☐ D *Civilisation*

9 .



Golongan artisan berada dalam kelas kedua struktur sosial pada zaman Mesir Purba.

Apakah peranan golongan artisan tersebut?

- ☐ A Mengutip cukai
- ☐ B Mengawal sistem pengairan
- ☐ C Menempa besi dan tembikar
- ☐ D Memerintah seluruh Mesir

10 .

Konstruksi Memahami

Apakah kerajaan terakhir bagi Tamadun Mesopotamia?

- ☐ A Kerajaan Assyria
- ☐ B Kerajaan Akkad
- ☐ C Kerajaan Chaldea
- ☐ D Kerajaan Babylon

11 .

Konstruksi Mengaplikasi

Pertanian merupakan kegiatan utama masyarakat Mesir Purba.

Apakah ganjaran yang petani berikan kepada raja hasil daripada pertanian?

- ☐ A Ufti
- ☐ B Sewa tanah
- ☐ C Bunga emas
- ☐ D Cukai pertanian

12 .

Konstruksi Memahami

Maklumat berikut merupakan maksud salah satu sistem pemerintahan Tamadun Yunani.

Pemerintahan yang dikuasai oleh golongan yang zalim dan menindas rakyat.

Apakah sistem pemerintahan tersebut?

- ☐ A Tirani
- ☐ B Monarki
- ☐ C Oligarki
- ☐ D Demokrasi

13.



Mengingat

Maklumat berikut berkaitan dengan Tamadun Yunani.

X merupakan gabungan tiga komponen iaitu bandar utama, bandar kecil dan kawasan kampung.

Apakah X?

- ☐ A Polis
- ☐ B Agora
- ☐ C Acropolis
- ☐ D Acroagora

14.

Konstruk Menganalisis

Dewan Perhimpunan merupakan badan tertinggi dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Athens.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan keanggotaan Dewan Perhimpunan?

- I Terdiri daripada warganegara lelaki dan wanita Athens
- II Terdiri daripada warganegara lelaki Athens
- III Setiap warganegara berpeluang memegang jawatan maksimum setahun
- IV Setiap warganegara berpeluang memegang jawatan maksimum empat tahun

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

15.

Konstruk Mengaplikasi

Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pengadilan di Athens.

Individu A didapati bersalah dalam kes kecurian.

Apakah yang perlu dilakukan oleh individu A?

- ☐ A Merayu kepada juri
- ☐ B Merayu kepada raja
- ☐ C Merayu kepada mahkamah
- ☐ D Merayu kepada warganegara

16.



Mengaplikasi

Colosseum pada zaman moden adalah stadium.

Apakah ciri-ciri Colosseum yang diaplikasikan pada pembinaan stadium?

- I Terdapat satu sahaja pintu masuk
- II Terdapat banyak pintu masuk
- III Tempat duduk penonton dibina dalam bentuk bertingkat
- IV Tempat duduk penonton dibina dalam satu tingkat sahaja

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

17.

Konstruk

Menganalisis

Maklumat berikut berkaitan dengan faktor perluasan Tamadun India.

Menggunakan aspek agama dalam memperluaskan kuasa dan pengaruh kerajaan.

Apakah faktor perluasan Tamadun India tersebut?

- ☐ A Kewangan
- ☐ B Sumber manusia
- ☐ C Dasar pemerintahan
- ☐ D Diplomasi keagamaan

18.

Konstruk

Menganalisis

Bagaimanakah individu dapat menaikkan hierarki dalam sistem sosial Tamadun China?

- ☐ A Lulus peperiksaan awam
- ☐ B Meningkatkan hasil pertanian
- ☐ C Membayar cukai kepada maharaja
- ☐ D Mengikut segala perintah maharaja

19.

Konstruk

Memahami

Masyarakat jahiliah mempercayai tilik nasib.
Apakah tujuan mereka menilik nasib?

- ☐ A Meramal masa depan
- ☐ B Meningkatkan status sosial
- ☐ C Meningkatkan hasil pertanian
- ☐ D Menambah ilmu pengetahuan

20 .

Konstruksi Mengaplikasi

Apakah ritual masyarakat jahiliah sebelum melakukan sesuatu perjalanan?

- ☐ A Melihat keadaan sekeliling
- ☐ B Merancang masa perjalanan
- ☐ C Menyediakan makanan secukupnya
- ☐ D Menyediakan kelengkapan perjalanan